

UNIT 3: TUMBUHAN

3.1.2: Kepentingan tumbuhan kepada manusia.

Nota : <https://www.youtube.com/watch?v=WQvgvoVukBI>

Arahan : Baca nota di bawah.

3.1.2

Kepentingan tumbuhan kepada manusia

Tumbuhan memberi banyak kepentingan kepada manusia. Antaranya, sumber perindustrian, perubatan dan menyediakan peluang pekerjaan.

(a) Perindustrian

- Kayu balak digunakan untuk bahan binaan rumah.
- Getah untuk membuat tayar.
- Kapas untuk dijadikan benang.
- Kayu jati, cengal dan meranti untuk menghasilkan perabot.



(b) Perubatan

Tumbuhan seperti herba, rempah ratus dan buah-buahan dijadikan sebagai penawar bagi merawat pelbagai jenis penyakit. Tumbuhan ini mempunyai khasiat tertentu dan berpotensi menjadi sumber dalam perubatan tradisional dan moden.



Imbas
di Sini



Layari laman web
<http://arasmega.com/qi-link/pembuatan-perabot-daripada-rotan/> untuk
menonton video pembuatan
perabot daripada rotan.
(Dicapai pada 20 Julai 2020).




Celik Ilmu

Perubatan tradisional ialah perubatan
bukan saintifik bagi sesuatu kaum
yang banyak menggunakan sumber
tumbuhan sebagai ubat.

(c) Peluang pekerjaan

Peluang pekerjaan banyak ditawarkan dalam sektor pertanian, perubatan, bioteknologi, makanan, pembalakan, pembinaan, perkilangan, dan pembuatan perabot yang dihasilkan daripada tumbuhan.



Selain itu, keindahan alam semula jadi seperti hutan dan tempat pertanian atau perternakan juga boleh memberi peluang pekerjaan dalam sektor agro pelancongan dan ekopelancongan.



Glosari

Bioteknologi

Kegiatan atau kajian yang menggunakan mikroorganisma, sistem atau proses biologi dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan untuk menghasilkan produk seperti antibiotik, vaksin, keju dan lain-lain lagi.

Imbas
di Sini



Jelaskan kesan pembalakan haram terhadap alam sekitar.

Layari laman web <http://arasmega.com/qr-link/agropelancongan-di-malaysia/> untuk menonton video agro pelancongan di Malaysia. (Dicapai pada 20 Julai 2020).

Latihan:

Pilih kepentingan tumbuhan kepada manusia mengikut kategori berikut:

Herba penawar penyakit	Peluang pekerjaan Sektor Pertanian
Peluang pekerjaan sektor makanan	Kayu balak untuk bahan binaan rumah
Kapas untuk dijadikan benang	Peluang pekerjaan sektor perkilangan
Buah-buahan penawar penyakit	Rempah-ratus penawar penyakit
Getaj untuk membuat tayar	

Kepentingan tumbuhan kepada manusia	Penerangan
Perindustrian	a.
	b.
	c.
Perubatan	a.
	b.
	c.
Peluang pekerjaan	a.
	b.
	c.